



Pengaruh Imam Al-Sanusi Dalam Penulisan Ilmu Akidah Di Sarawak: Analisis Melalui *Risalah Hidayah Lil Walad Al-Walad*

MUHAMMAD KHATIB BIN JOHARI

Majlis Islam Sarawak
khatibsharbini@sarawak.gov.my

Abstrak

Penyebaran agama Islam telah bermula di Sarawak sejak abad ke-15M melalui pengaruh yang kuat dari kalangan pemerintah Kesultanan Brunei serta tradisi keilmuan Melayu-Islam dari rantau alam Melayu. Seiring dengan proses penyebaran agama ini, para ulama tempatan memegang peranan paling penting dalam membentangkan nilai dan isi kandungan ajaran Islam. Salah satu bidang penting yang memerlukan perhatian adalah pengaruh ilmu akidah terhadap pembentukan identiti masyarakat Muslim di Sarawak. Kerjasama kajian ini bertujuan untuk memperkenalkan sebuah naskah ilmu akidah yang bertajuk *Risalah Hidayah Lil Walad Al-Walad* (RHHW). Karya ini disusun oleh seorang ilmuwan Sarawak pada tahun 1924M. Dalam kertas kajian ini, pengkaji telah meneliti isi kandungan RHHW serta menilai pengaruh ulama dunia Arab pada abad ke-15M iaitu Imam Al-Sanusi dalam karya tersebut. Melalui metodologi analisis teks dan kajian kepustakaan, dapatan awal telah menunjukkan bahawa pengarang RHHW melalui karyanya sendiri telah membincangkan tema ilmu akidah berdasarkan kepada karya akidah bersiri oleh Imam Al-Sanusi. Penelitian ini berdasarkan kepada persamaan teks Arab yang telah dinukilkan dan kaedah pendalilan yang digunakan oleh pengarang dalam mensyarahkan RHHW. Kajian ini diharap dapat membuka wacana baru mengenai peranan manuskrip Islam dalam memperkukuh kefahaman masyarakat terhadap identiti mazhab Ahli Sunnah Wal Jamaah di Sarawak serta dijadikan sebagai sebuah rujukan praktikal oleh umat Islam dalam menghadapi cabaran pemikiran semasa. Selain itu, kajian ini turut menyumbang kepada usaha untuk membangunkan masyarakat yang berfikir kritis dan harmoni serta selari dengan matlamat konferens untuk mempromosikan dialog antara peradaban demi kestabilan sosial.

Kata kunci: Manuskrip Islam, Ilmu Akidah, Sarawak, Al-Sanusi

Pendahuluan

Ilmu akidah merupakan ilmu yang menjadi teras utama dalam membentuk identiti keperibadian seseorang Muslim. Disiplin ilmu yang paling penting ini membahas tentang ketuhanan, kenabian dan perkara sam'iyat yang wajib dipercayai dan ianya bukan sahaja wujud sebagai disiplin yang teoritikal tetapi sebaliknya menjadi landasan beramal zahir dan batin seseorang insan. Dalam sejarah awal Islam, kita dapat menyaksikan bagaimana Rasulullah SAW menitik beratkan dakwah Baginda dengan menegakkan kalimah tauhid.

Sebagaimana dalam firman Allah SWT, maksudnya: *"Dan tidak ada yang lebih baik perkataannya daripada orang yang menyeru kepada (mengesakan dan mematuhi perintah) Allah, serta ia sendiri mengerjakan amal yang soleh, sambil berkata: 'Sesungguhnya aku adalah dari orang-orang Islam (yang berserah bulat-bulat kepada Allah)'"* (Surah Al-Fussilat: 33).

Oleh yang demikian, seruan tauhid inilah yang diberikan penekanan utama sepanjang dakwah berlangsung di Makkah. Selepas kewafatan Rasulullah SAW di Madinah, umat Islam menghadapi musibah yang besar selepas bergejolakannya anasir fitnah dari kalangan orang munafik dan ketidakstabilan politik dalam kalangan kaum Muslimin. Dalam menghadapi situasi ini, para Sahabat yang berautoriti dalam ilmu-ilmu agama terpaksa bangkit melipatgandakan usaha mereka untuk menjaga piawaian kebenaran sebagaimana yang diwariskan oleh Baginda Nabi SAW. Tambahan pula, pengaruh budaya asing yang mula memasuki wilayah dunia Islam turut menambah ketegangan yang berlaku terhadap polemik akidah dalam kalangan umat Islam. Walaupun ditekan dengan ancaman pemikiran dan ketegangan sosial yang begitu dahsyat, proses dakwah dan penyebaran agama Islam dari tanah Arab ke dunia luar masih terus berlangsung. Dalam konteks ini, ulama memainkan peranan utama sebagai ejen pemurnian dan penyebaran akidah Ahli Sunnah Wal Jamaah (ASWJ) melalui jihad ilmu iaitu penyusunan, penghujahan dan pendidikan berdasarkan dalil *naqli* dan *aqli*. Siri kebangkitan melawan kebatilan melalui jihad ilmu ini juga bermula dengan para ulama pada kurun awal Hijrah seperti Imam Abu Hanifah (m. 767M), Imam Al-Tahawi (m. 933M), Imam Abu Hasan Al-Asyaari (m. 936M) serta Imam Abu Mansur Al-Maturidi (m. 944M). Setelah 3 kurun awal Hijrah, fasa seterusnya menyaksikan penyempurnaan metodologi ilmu melalui tokoh-tokoh besar seperti Imam Al-Baqillani (m. 1013M), Imam Al-Juwaini (m. 1085M), Imam Al-Ghazali (m. 1111M), Imam Al-Nasafi (m. 1142M), Imam Al-Razi (m. 1210M), Imam Al-Taftazani (m.



1390M) dan ramai lagi yang meneruskan legasi intelektual Asyairah Maturidiah. Setelah itu, muncul lah sosok penting yang menjadi penerus tradisi para ulama sebelumnya iaitu Imam Al-Sanusi (m. 1490M). Beliau merupakan seorang tokoh yang terkenal melalui siri karya akidahnya yang sistematik, mudah dihafal dan sesuai untuk konteks pendidikan. Sumbangan besar inilah yang menjadikan pengaruhnya meluas ke seluruh dunia Islam, termasuk alam Melayu, sejak kurun ke-17M. Di Sarawak, penyebaran Islam bermula pada abad ke-15M melalui pengaruh Kesultanan Brunei dan jaringan ulama Melayu-Islam. Seiring proses ini, muncul karya-karya tempatan yang mencerminkan kedalaman warisan intelektual Ahli Sunnah Wal Jamaah dan antaranya adalah *Risalah Hidayah lil Walad al-Walad* (RHWW) yang dikarang oleh Mansur bin Sayyid Abu Bakar Al-Aydrus pada tahun 1924M. Walaupun RHWW dan karya seumpamanya memainkan peranan penting dalam membentuk pegangan akidah masyarakat, masih terdapat kekurangan kajian yang sistematik mengenai:

- (i) Sejauh mana pengaruh Imam Al-Sanusi terhadap karya akidah di Sarawak,
- (ii) Apakah sukatan dan pegangan akidah yang diamalkan secara rasmi pada masa lalu dan kini,
- (iii) Bagaimana karya seperti RHWW boleh mencadangkan sebuah garis panduan bagi kestabilan sosial dan identiti wasatiyyah dalam masyarakat pelbagai latar belakang di Sarawak?

Selain daripada kerja-kerja menganalisis isi kandungan, kajian ini juga berharap dapat menunjukkan bahawa penerimaan mazhab ASWJ di Sarawak bukan sekadar warisan keagamaan, tetapi satu proses intelektual yang diperjuangkan oleh ulama tempatan untuk membina kerangka kefahaman yang mampu menyatukan masyarakat, mengelak daripada percanggahan ketika memahami isu akidah dan menentang ajaran sesat. Sebagaimana kajian oleh Tarek (2015) dalam konteks negara Maghribi, pengukuhan mazhab ASWJ turut menjadi asas kepada kestabilan sosial dan kesatuan intelektual. Di dalam konteks Sarawak, RHWW berpotensi memainkan peranan serupa iaitu sebagai dokumen pemikiran yang menghubungkan warisan global ASWJ dengan realiti lokal, sekaligus menjadi alat peneguhan identiti dan keharmonian sosial di era moden.

Sejarah Perkembangan Ilmu Akidah Dalam Dunia Islam

Sebelum membincangkan perkembangan ilmu akidah di Sarawak, perlu difahami bahawa akidah dan ilmu akidah adalah dua buah istilah yang berbeza. Menurut Al-Jurjani di dalam *Ta'rifat*, akidah bermaksud 'keyakinan hati semata-mata, bukan amalan luaran'. Berbeza dengan ilmu akidah, ia lebih merujuk kepada disiplin ilmu yang membincangkan keyakinan tersebut secara sistematik berdasarkan dalil. Perlu difahami juga di sini bahawa dalam mazhab Ahli Sunnah Wal Jamaah (ASWJ), intipati akidah yang diyakini oleh Nabi Adam AS adalah sama dengan apa yang dipegang oleh semua Anbiya' sesudahnya - iaitu tauhid - dengan perbezaan hanya pada syariat atau tatacara ibadah sahaja.

Sebagaimana firman Allah SWT: "*Katakanlah (wahai Muhammad): "Kami beriman kepada Allah, dan kepada apa yang telah diturunkan kepada kami, dan kepada apa yang telah diturunkan kepada Nabi-nabi: Ibrahim, dan Ismail, dan Ishak, dan Yaakub, dan keturunannya, dan kepada apa yang telah diberikan kepada Nabi-nabi: Musa dan Isa, dan sekalian Nabi-nabi dari Tuhan mereka. Kami tidak membeza-bezakan seseorang pun di antara mereka, dan kepada Allah jualah kami berserah diri (Islam)".*" (Surah Ali Imran: 84).

Selepas wafatnya Rasulullah SAW, umat Islam menghadapi cabaran besar akibat fitnah dari golongan munafik, perpecahan politik dan penyebaran ajaran sesat. Dalam konteks ini, ilmu akidah muncul bukan untuk mencipta ajaran baru, tetapi sebagai metodologi ilmiah bagi membentengi pegangan agama Islam melalui hujah yang berdalil. Ulama mula menyusun ilmu akidah secara tersusun, membezakan antara perkara *usul* (prinsip asas) dan *furu'* (cabang) serta menekankan pentingnya dalil *naqli* (wahyu) dan *aqli* (akal). Dua tokoh awal yang membentuk landasan intelektual ASWJ ialah Imam Abu Hasan Al-Asyaari (m. 324H/936M) dan Imam Abu Mansur Al-Maturidi (m. 333H/944M). Mereka hidup sezaman dan menghadapi cabaran pemikiran yang sama seperti Mu'tazilah dan Jahmiyyah. Walaupun bermazhab berbeza disebabkan kapasiti berjihad masing-masing, kedua-dua imam besar ini bersetuju pada perkara *usul*, dengan hanya 12 perbezaan sahaja pada perkara *furu'* (Sa'id Foudah 2018). Karya-karya mereka telah menjadi teras kepada perkembangan ilmu kalam dan akidah dalam dunia Islam sehingga masa kini. Dari perspektif lain, ilmu akidah juga boleh disebut sebagai ilmu tauhid. Antara takrifan bagi ilmu akidah yang dipilih untuk kajian ini adalah daripada penjelasan oleh Professor Umar Abdullah Kamil. Beliau menjelaskan bahawa, ilmu akidah merupakan ilmu yang membincangkan pegangan-pegangan agama berdasarkan dalil-dalil yang diyakini kebenarannya. Ilmu ini juga berdiri di atas dua buah sumber yang utama. Pertama adalah wahyu Ilahi yang diwakili oleh nas-nas dari Al-Quran dan Sunnah. Kedua adalah akal iaitu anugerah naluri yang dikurniakan oleh Allah SWT kepada manusia bagi membolehkan mereka memahami hakikat kebenaran. Ini kerana, secara potensinya, semua manusia sememangnya diberikan kemampuan oleh Allah SWT untuk memahami perkara yang *badihiyyat* (asas) dan juga berupaya untuk melakukan *istidlal* (pembuktian) bagi mencapai kebenaran. Hasil daripada keseimbangan kedua-dua sumber ini akan menjadikan seseorang Muslim yang adil dalam mempersaksikan kepercayaan mereka dan kaedah ini jugalah yang diwariskan oleh



para ulama yang muktabar secara turun temurun melalui wasilah ilmu sejak dahulu lagi. Oleh yang demikian, keseimbangan kedua-dua sumber inilah yang akan menjadi teras kepada metodologi ulama ASWJ, termasuk Imam Al-Sanusi (m. 895H/1490M) yang selepas ini akan dibincangkan secara khusus. Pada masa yang sama, bukti sejarah turut menjelaskan bahawa Al-Sanusi bukan sahaja menyusun karya akidah yang tersusun seperti *Umm al-Barahin* dan *Al-Muqaddimat*, tetapi juga memperkenalkan kaedah penghujahan yang menggabungkan dalil *naqli* dan *aqli* secara sistematik. Karyanya menjadi rujukan utama di dunia Islam, termasuklah di alam Melayu. Oleh itu, untuk memahami bagaimana akidah ASWJ sampai ke Sarawak, kita perlu terlebih dahulu melihat pengaruh global Imam Al-Sanusi dalam dunia Islam.

Biografi Ringkas Imam Al-Sanusi

Nama penuh beliau ialah Imam Muhammad bin Yusuf bin Umar bin Syu'ayb Al-Sanusi. Gelaran 'Al-Sanusi' diambil daripada suatu puak di Maghrib. Beliau juga dikenali dengan laqab 'Al-Hasani' kerana adat di Maghribi, gelaran ini boleh dinisbahkan kepadanya melalui pihak ibunya yang berketurunan daripada Al-Hasan bin Ali bin Abi Talib. Beliau dilahirkan selepas tahun 830 Hijrah. Imam Al-Sanusi membesar sebagai seorang yang baik, diberkahi, berilmu dan soleh. Beliau mengambil ilmu daripada beberapa orang guru antaranya ayahandanya sendiri, Syeikh Al-Allamah Nasir Al-Zawawi. Dan seterusnya daripada Al-Allamah Muhammad bin Tuzart serta mengambil ilmu qiraat daripada Sayyid Syarif Abu Al-Hajjaj Yusuf bin Abi Al-Abbas bin Muhammad Al-Hasani. Beliau juga belajar ilmu kaji bintang (*astrolab*) daripada Al-Allamah Abu Abdullah Al-Habbab. Selain itu, Imam Al-Sanusi mempelajari ilmu usul dan logik daripada Imam Muhammad bin Abbas, fiqah daripada Al-Faqih Al-Jallab, serta ilmu tauhid dan bimbingan tasawuf daripada wali besar dan soleh iaitu Hasan Abrakan Al-Rashidi. Beliau juga belajar *Kitab Al-Risalah* daripada Al-Faqih Al-Hafiz Abu Al-Hasan Ali bin Muhammad Al-Sanusi Al-Taluti Al-Ansari iaitu abang tiri beliau dari sebelah ibu dan ilmu tauhid dari Abu Al-Qasim Al-Kanabisyi serta kitab-kitab hadis seperti Sahihain daripada Abu Zaid Al-Tsa'alibi yang memberikan ijazah kepadanya untuk meriwayatkannya. Tambahan pula, Imam Al-Sanusi pernah menerima *khirqah* (pakaian tasawuf) daripada Imam Ibrahim Al-Tazi dan meriwayatkan banyak hadis musalsal daripadanya. Beliau juga belajar ilmu faraid dan hisab daripada seorang ulama agung iaitu Abu Al-Hasan Al-Qalsodi Al-Andalusi yang memberikan izin kepadanya untuk mengajarkan semua ilmu yang dipelajarinya. Manakala murid-murid Al-Sanusi yang terkenal adalah Muhammad bin Umar Al-Mallali iaitu pengarang kepada biografi Al-Sanusi sendiri yang bertajuk *Al-Mawahib Al-Qudsiyyah Fi Al-Manaqib Al-Sanusiyyah* dan Shaykh Ahmad Zarruq Al-Fasi.

Imam Al-Sanusi sangat dikenali dalam dalam ilmu tauhid dan karya-karya yang dihasilkan olehnya dalam bidang akidah adalah sangat banyak. Berikut disenaraikan beberapa buah karya-karya beliau:

1. *Al-Muqarrib Al-Mustawfi Fi Syarah Faraid Al-Haufi* iaitu sebuah karya pertama Imam Al-Sanusi iaitu dalam bidang ilmu faraid dan beliau siap mengarangnya pada usia 18 tahun.
2. *Aqidah Ahli Al-Tauhid* atau *Aqidah Al-Kubra* iaitu karya pertama beliau dalam ilmu tauhid dan ia merupakan karya paling terperinci dan sukar dalam kategori senarai bersiri beliau dalam ilmu akidah. Ia juga ditulis untuk membantah aliran menyeleweng daripada luar Islam seperti falsafah dan lain-lain.
3. *Umdah Ahlu Al-Taufiq Wa Al-Tasdid* atau *Syarah Al-Aqidah Al-Kubra* iaitu karya syarahan beliau yang paling luas dalam ilmu akidah.
4. *Aqidah Al-Wusta* iaitu karya ringkasan daripada *Aqidah Al-Kubra*. Ia turut memfokuskan kesesatan aliran yang menyeleweng.
5. *Syarah Al-Aqidah Al-Wusta*
6. *Al-Aqidah Al-Sughra* atau lebih dikenali sebagai *Umm Al-Barahin* atau *Zat Al-Barahin* dan karya ini adalah yang paling dikenali, dihuraikan dan banyak dihafal dalam dunia Islam sehingga diambil perhatian dari kalangan ulama di alam Melayu.
7. *Syarah Al-Aqidah Al-Sughra* atau *Syarah Umm Al-Barahin*.
8. *Sughra Al-Sughra*
9. *Syarah Sughra Al-Sughra*
10. *Al-Muqaddimat* iaitu karya penting yang berperanan sebagai pembina kerangka umum pemikiran Muslim dan karya ini menjadi pemudah cara bagi memahami rangkaian siri karya akidah Al-Sanusi.
11. *Syarah Al-Muqaddimat*
12. *Al-'Iqdul Farid Fi Hal Musykilat Al-Tauhid* iaitu karya dalam ilmu tauhid.
13. Kumpulan karya-karya ilmu akidah yang ringkas untuk hafalan dan pembelajaran kaum ibu dan anak-anak seperti *Sughra Sughra Al-Sughra*, *Al-Aqidah Al-Hafidah* serta *Al-Mufidah Li Al-Wildan Wa Al-Nisa' Al-Mu'minat*.
14. *Syarah Isaghuji* iaitu sebuah syarahan kitab ilmu mantik dan beliau juga pernah mengarang beberapa ringkasan lain dalam mantik.
15. *Syarah Asma' Allah Al-Husna* iaitu karya yang menghuraikan nama-nama Allah dan ia dipengaruhi oleh karya Imam Al-Ghazali yang pernah mengarang tajuk yang sama iaitu *Maqсад Al-Asna Fi Syarah Asma' Allah Al-Husna*.



16. *Syarah Sahih Al-Bukhari* dan menurut muridnya Al-Mallali, ia tidak lengkap dan sampai kepada *bab man istibra' li dinihi*.
17. *Mukhtasar Ri'ayah Al-Muhasibi* iaitu karya dalam bidang akhlak dan tasawuf.
18. *Syarah Al-Waghlisiyyah* iaitu sebuah karya dalam bidang fiqh mazhab Maliki yang tidak sempat disempurnakan oleh beliau.
19. Selain daripada senarai di atas, Al-Sanusi juga pernah mengarang dalam bidang ilmu tafsir Al-Quran.

Menurut senarai yang disusun oleh Ahmad Baba Al-Tinbukti dalam *Nayl Al-Ibtihaj Bi Tathriz Al-Dibaj* iaitu karya berkaitan biografi ulama Maliki serta rujukan dari beberapa buah ensiklopedia, Al-Sanusi sekurang-kurangnya telah mengarang sekitar 45 buah karya dan besar kemungkinan, masih ada saki baki karya beliau yang lain yang masih tidak dapat dikenalpasti dan dipelihara hingga ke hari ini (Che' Razi 2016). Daripada jumlah keseluruhan ini, sekurang-kurangnya 23 buah karya Al-Sanusi sama ada dalam bentuk matan atau syarah adalah dalam bidang akidah atau kalam. Sekurang-kurangnya, lima buah karya utama Al-Sanusi telah diangkat sebagai sukatan matapelajaran dalam pengajian ilmu akidah berdasarkan kepada kedalaman dan ketinggian aras perbincangan (Mohd Saiful Naim 2024). Al-Sanusi meninggal dunia pada tahun 895H pada usia 63 tahun.

Penulisan Ilmu Akidah Di Alam Melayu

Penulisan ilmu akidah yang terawal di alam Melayu yang dapat dikenalpasti adalah melalui kajian Al-Attas yang bertajuk *The Oldest Known Malay Manuscript: A 16th Century Malay Translation Of The Aqaid Al-Nasafi* yang dicatatkan di dalamnya bertarikh 1590M. Manuskrip tersebut merupakan karya terjemahan kepada *Aqaid Al-Nasafi*. Penemuan manuskrip ini telah meletakkan susunan yang baharu bagi kategori manuskrip tertua yang berjaya menandingi *Salinan Surat Sultan Aceh kepada Ratu Elizabeth I* (1602M), *Surat Asal Sultan Aceh Kepada Kapten Henry Middleton* (1602M) dan *Surat Asal Sultan Aceh kepada Raja George I* (1612M) (Wan Mohd Nor 2005). Ketiga-tiga teks tersebut adalah bersifat pentadbiran atau pun berupa wadah muamalat dan melalui penemuan teks terjemahan *Aqaid Al-Nasafi* telah membuktikan bahawa teks berunsurkan agama telah wujud lebih awal sebelum naskhah-naskhah lain. Dalam memahami istilah alam Melayu, pengumpulan dokumentasi sebegini begitu penting khususnya dalam memahami takrifan Melayu dan bagaimana agama menjadi aspek paling penting dalam mencorak ketamadunan sesebuah bangsa Melayu. Selain aspek agama, bahasa dan adat resam Melayu merupakan dua lagi faktor yang menjadi penentu yang bersifat tambahan kepada pembentukan identiti Melayu sehingga masa kini dan hal-hal ini telah jelas termaktub di dalam Perlembagaan Malaysia.

Selain daripada usaha penterjemahan, karya *Aqaid Al-Nasafi* ini juga pernah disyarahkan pada kurun ke-17M oleh seorang tokoh ilmuwan Islam di alam Melayu iaitu Syeikh Nuruddin Al-Raniri (m. 1658M) dengan tajuk *Durratul Faraid bi Syarhi Al-Aqaid*. Walau bagaimanapun, karya ini masih belum ditemui hingga ke hari ini dan pengesahan akan kewujudan karya ini hanya dapat dibuktikan melalui karya Al-Raniri yang lain iaitu *Hujjatul Siddiq Ala Daf'i Al-Zindiq*. Secara asasnya, *Aqaid Al-Nasafi* merupakan teks akidah menurut mazhab Al-Maturidi oleh Imam Abu Hafs Umar Al-Nasafi (m. 1142M) dan karya ini kemudiannya pernah disyarahkan oleh ulama bermazhab Al-Asyaari yang bernama Imam Sa'aduddin Al-Taftazani (m. 1390M). Sememangnya, Al-Raniri mempunyai tujuan untuk menyebarkan isi kandungan *Aqaid Al-Nasafi* ini atas sebab timbulnya kelompok-kelompok yang anti-kebenaran pada zamannya. Dalam kajian Faizuri dan Muhammad Hazim (2018) pula, Syeikh Abdul Rauf Al-Fansuri (m.1693M) merupakan tokoh Melayu lain yang sezaman dan juga pernah mengarang ilmu akidah melalui karya tasawufnya yang berjudul *Umdah Al-Muhtajin Ila Suluk Maslak Al-Mufridin*.

Hasil daripada penelitian manuskrip-manuskrip Melayu tentang akidah, peringkat awalnya sememangnya telah mendapat pengaruh daripada karya Al-Nasafi. Dalam peringkat berikutnya iaitu selepas kurun ke-17M, majoriti manuskrip Melayu dalam bidang akidah yang telah dijumpai adalah bersumberkan kepada pengaruh Al-Sanusi (Che' Razi 2016). Karya-karya yang dikenalpasti mendapat pengaruh mendalam daripada Al-Sanusi adalah berdasarkan kepada kaedah terjemahan atau syarahan ke atas teks Al-Sanusi dengan gaya bahasa dan kesusasteraan Melayu. Berikut merupakan senarai penulisan akidah yang ditulis dalam bahasa Melayu dan tulisan Jawi melalui pengaruh Al-Sanusi:

1. *Bidayatul Hidayah* oleh Syeikh Muhammad Zain Al-Asyi yang dikarang pada kurun ke-18M. Kitab ini dikatakan kitab kedua yang tertua selepas terjemahan atau syarahan teks *Aqaid Al-Nasafi*.
2. *Aqidatun Najin* oleh Syeikh Zainal Abidin Al-Fatani pada tahun 1890M.
3. *Dariatul Yaqin* oleh Syeikh Muhammad Nawawi bin Umar Al-Bantani.
4. *Atiyyat Al-Rahman* oleh Syeikh Muhammad Azhari bin Abdullah Al-Falimbani
5. *Sirajul Huda* oleh Syeikh Muhammad Zainuddin bin Muhammad Al-Badawi Al-Sumbawi. Karya ini dikatakan sebagai syarahan ulama Melayu terhadap *Akidah Al-Wusta* oleh Al-Sanusi dengan fokus utama untuk memahami dua kalimah syahadah.



6. *Al-Durr Al-Thamin* oleh Syeikh Daud bin Abdullah Al-Fatani
7. *Zahratul Murid* oleh Syeikh Wan Muhammad Ali Kutan Al-Kalantani
8. *Faridatul Faraid* oleh Syeikh Ahmad bin Muhammad Zain Al-Fatani
9. *Bakurah Al-Amani* oleh Syeikh Wan Ismail Al-Fatani

Secara keseluruhannya, penulisan ilmu akidah di alam Melayu bermula dengan pengaruh *Aqaid Al-Nasafi* pada kurun ke-16M, sebelum beralih kepada tradisi Al-Sanusi yang lebih dominan selepas kurun ke-17M. Karya-karya ulama Melayu seperti *Bidayatul Hidayah*, *Aqidatun Najin* dan *Faridatul Faraid* telah menunjukkan adaptasi sistematik terhadap metodologi Al-Sanusi, khususnya dalam struktur, penghujahan dan penggunaan dalil *aqli-naqli*. Perkembangan ini mencerminkan kedewasaan intelektual masyarakat Melayu-Islam dalam membentuk kerangka akidah yang bersistem dan berakar umbikan kepada Ahli Sunnah Wal Jamaah. Dalam perbahasan yang seterusnya, pengkaji akan memfokuskan kepada konteks Sarawak.

Penulisan Ilmu Akidah Di Sarawak

Sarawak tidak mengeluarkan jumlah karya yang besar sepertimana yang berlaku di Patani, Aceh, kepulauan Jawa dan lain-lain. Namun, berdasarkan kepada kajian terkini, penulisan ilmu akidah dapat dilihat di dalam tiga buah karya oleh ulama Sarawak iaitu *Kitab Pedoman Ibadat*, *Risalah Aqaid Al-Iman* dan *Risalah Hidayah Lil Walad Al-Walad*. Md. Sidin (1992) menyatakan bahawa terdapat dua buah karya oleh penulis Sarawak yang disenaraikan di dalam katalog Oriental Collections, British London. Masing-masing adalah *Kitab Pedoman Ibadat* (terbitan Ahmadiyah Press Singapura) dan *Risalah Hidayah Lil Walad Al-Walad* (Singapura Jawi Press) yang telah diterbitkan pada tahun 1936 dengan jumlah 1,000 naskhah. Berbeza dengan *Risalah Aqaid Al-Iman*, ia adalah kategori karya mutakhir yang dikarang pada tahun 1950an. Karya pertama yang berkaitan akidah yang dapat dikenal pasti adalah RHWY yang siap dikarang pada tahun 1924. Karya inilah yang akan dibincangkan dengan lebih lanjut dalam penulisan ini. Ada pun karya yang bertajuk *Kitab Pedoman Ibadat*, ia merupakan karya fiqah yang dikarang oleh Haji Daud bin Abdul Ghani. Ia siap dikarang kira-kira pada tahun 1933 namun diterbitkan tiga tahun selepas beliau meninggal dunia. Pada asalnya, karya ini dinamakan sendiri oleh pengarang asal dengan nama *Pelajaran Fiqah*. Secara keseluruhan, karya ini mendapat pengaruh penulisan bidang fiqah melalui *Matan Ghayah Wal Taqrib* karya oleh Al-Asfahani (m. 1106M).

Berdasarkan pemerhatian oleh pengkaji, terdapat perbahasan tentang akidah di awal karya beliau dan ianya terdiri daripada 12 muka surat. Pengarang membahas secara asas sahaja tentang rukun iman yang terdiri daripada enam perkara tanpa menghuraikan dalil-dalil yang terperinci. Apa yang jelas dikenalpasti adalah penghuraian pengarang dalam bahagian beriman kepada Allah. Di bahagian ini, pengarang menggunakan kaedah seperti mana yang berlaku dalam pengajian sifat 20. Ianya dibentang dengan sangat ringkas dengan menjelaskan 13 buah sifat wajib bagi Allah dan disokong dengan senarai 13 sifat yang mustahil atas Allah. Pengarang juga memasukkan satu sifat harus bagi Allah. Secara ringkasnya, perbahasan ini mematuhi kaedah yang digunapakai oleh Imam Al-Sanusi dalam membahas perkara berkaitan ketuhanan. Ini boleh diperhatikan kepada susunan sifat-sifat yang disenaraikan oleh pengarang yang bermula dari sifat *nafsiyah*, *salbiyah* dan *maani*. Adapun sifat *ma'nawiyah* tidak dimasukkan oleh pengarang.

Di dalam teks tersebut, pengarang juga tidak memasukkan dalil-dalil sama ada *aqli* atau *naqli* bagi setiap sifat dan pengkaji berpendapat bahawa karya ini merupakan karya yang agak ringkas tentang akidah. Ianya juga menepati kaedah penulisan Al-Sanusi dalam karya bersiri beliau, namun ia tidaklah mencapai tahap perbahasan yang tinggi seperti *Umm Al-Barahin*. Pengkaji berpandangan bahawa kadar perincian pengarang tentang perbahasan akidah adalah sehingga di peringkat kanak-kanak sahaja seperti karya *Al-Mufidah Li Al-Wildan Wa Al-Nisa' Al-Mu'minat* oleh Al-Sanusi. Apabila diperhatikan pada bahagian perbincangan, pengarang menggunakan kaedah pedagogi dalam tulisannya. Sebagai contoh dalam muka surat 7, "...cubalah anakku fikirkan: buku yang anakku bacakan hari-hari dan rumah tempat anakku tinggal itu bolehkah ia jadi dengan sendirinya? - Tentulah tidak! - Tetapi mestilah ada yang membuatkan dia yang tentulah berpengetahuan, berkuasa dan berkehendak...". Melalui penambahan tentang perkara ini iaitu kupasan berkaitan dalil ijmal bagi kewujudan Allah, sekurang-kurangnya teks sebegini ada dibincangkan oleh Al-Sanusi di dalam *Akidah Al-Hafidh*.

Seterusnya adalah karya yang bertajuk *Risalah Aqaid Al-Iman* yang ditulis dalam tulisan Jawi. Ia dikarang oleh Sayyid Junaidi bin Sayyid Uthman Al-Aydrus pada tahun 1950an. Karya asal ini pernah disalin semula dan diterbitkan pada tahun 1985 beserta dengan *taqriz* daripada Mufti Sarawak pada masa tersebut iaitu Datuk Haji Abdul Kadir Hasan. Kitab ini membincangkan huraian pengajian sifat 20 yang lebih luas kerana pengarang memasukkan dalil-dalil aqal dan naqal bagi setiap sifat. Teks ini dimulakan dengan takrifan makrifah (kebenaran) dan diikuti dengan penjelasan berkaitan tiga buah hukum akal iaitu wajib, mustahil dan harus. Berdasarkan kajian Kamarul Bakri (1999), kebiasaan kitab Jawi akan memulakan dengan perbahasan hukum akal dan bagaimana mukallaf sepatutnya memahami hukum



terlebih dahulu sebelum menyelami perbincangan akidah. Secara asasnya, *Risalah Aqaid Al-Iman* menjelaskan enam buah rukun iman. Setiap rukun diberikan huraian terperinci dengan pembahagian menurut Ilahiyat, Nubuwwat dan Sam'iyat. Pendekatan ini menepati kaedah yang digunakan oleh Al-Sanusi dalam karya yang lebih tinggi seperti *Syarah Akidah Sughra Al-Sughra*. Sebagai contoh dalam takrifan makrifah, Al-Sanusi mensyarahkan di dalam *Akidah Sughra Al-Sughra* bahawa, makrifah mestilah merangkumi tiga perkara iaitu jazam, bersepakat dengan yang sebenar dan bukannya dengan kedongengan serta mempunyai dalil sama ada yang *doruri* (aksiom atau perkara yang dianggap benar tanpa pembuktian sah) atau *burhani* (melalui pembuktian). Secara ringkasnya, *Risalah Aqaid Al-Iman* mengandungi intipati utama perbahasan ketuhanan dan kenabian dengan dimulakan dengan sentuhan mantik yang asas. Ia bagi memastikan pendedahan awal terhadap kaedah pendalilan yang sering digunakan di dalam ilmu akidah. Secara keseluruhannya, sub topik ini diharap dapat menjawab persoalan tentang adakah adanya pengaruh Al-Sanusi dalam karya-karya akidah di Sarawak. Berdasarkan kepada tinjauan ringkas ini, pengaruh Al-Sanusi sememangnya ada melalui perbandingan dengan teks-teks oleh Al-Sanusi. Seterusnya, pengkaji akan meneruskan perbincangan tentang RHWW bagi memahami pengaruh Imam Al-Sanusi dalam karya tersebut.

Pengenalan Tentang Risalah Hidayah Lil Walad Al-Walad (RHWW)

Sorotan Kepustakaan Bagi RHWW

Berdasarkan kajian oleh Harun dan Ismail (1983), naskhah RHWW merupakan salah satu koleksi manuskrip dalam Muzium Brunei dan disenaraikan dengan nombor kod Arkib/BM/No. 65/80. Walau bagaimanapun, ia tidak dinyatakan sebagai sebuah naskhah asli tetapi sebaliknya wujud dalam koleksi berbentuk salinan fotokopi sahaja. Berkenaan naskhah RHWW, pengarang memperkenalkan dirinya di halaman belakang kitab dengan nama Mansur bin Al-Marhum Sayyid Abu Bakar Al-Aydrus. Walau bagaimanapun, beliau tidak memberikan pengenalan diri yang terperinci di mana-mana bahagian lain di dalam RHWW. Sebaliknya, beliau hanya menyatakan dengan jelas bahawa kitab ini dinamakan sebagai *Risalah Hidayah Lil Walad Al-Walad* yang diterjemahkan oleh beliau di negeri Baram. Tarikh penulisan juga dinyatakan pada halaman belakang iaitu 15 Rabiulawal (Sabtu) tahun 1343. Berdasarkan maklumat ini, anggaran tahun Masihi bagi penulisan RHWW adalah sekitar tahun 1924. Walaupun tarikh penulisan RHWW dinyatakan dengan jelas, proses penerbitannya mengambil masa yang agak panjang. Ini kerana di halaman depan, terdapat catatan yang menunjukkan bahawa RHWW dicetak pada 20 Rabiulakhir 1355, bersamaan dengan 9 Julai 1936. Manakala di halaman belakang, tarikh pencetakan yang tercatat adalah sedikit berbeza, iaitu 26 Rejab 1355, bersamaan dengan 12 Oktober 1936. Di halaman depan pula, terdapat maklumat bahawa RHWW telah didaftarkan di bawah Bab 6 Op Ordinan Nombor 2 Printers & Publish, Singapura Jawi Press, yang beralamat di N-242 Lorong Engku Aman Geylang Road, Singapura.

Berkenaan biografi pengarang, tiada maklumat yang jelas berkaitan asal usul, latar belakang pendidikan dan identiti beliau. Walau bagaimanapun, penamaan laqab Al-Aydrus jelas menunjukkan bahawa beliau merupakan seseorang yang berketurunan Bani Alawy dan kebiasaannya, marga Al-Aydrus terutamanya dari Sarawak akan bermuara kepada keluarga dari Kesultanan Kubu terutamanya dari kalangan zuriat keturunan Syarif Idrus bin Abdul Rahman Al-Aydrus yang membuka Kerajaan Kubu kira-kira pada tahun 1780M (Ridwan *et al.* 2024). Pada salah satu perbahasan pengarang berkaitan tasawuf, pengarang menyatakan perbincangan beliau bersama seseorang yang bernama Sayid Ali bin Muhammad Al-Attas. Selain daripada kenyataan ini, pengkaji masih belum menjumpai petanda lain yang menunjukkan individu tertentu yang berada di sekeliling bagi menjelaskan identiti pengarang. Pengarang RHWW juga dikatakan pernah mengajar seorang tokoh bidang agama yang penting di Brunei iaitu Begawan Pehin Udana Khatib Dato Seri Paduka Haji Awang Umar bin Rendah berkaitan ilmu usuluddin. Kajian oleh Norhayati dan Masuriyati (2022) pula menyatakan bahawa seorang ulama Brunei bernama Pehin Siraja Khatib Abdul Razak bin Hasanuddin telah menggunakan RHWW untuk diajarkan di balai iaitu sebuah tempat khas untuk menjalankan aktiviti pengajaran dan pembelajaran bagi subjek pengajian Islam, sebagai salah satu buku teks; selain daripada kitab-kitab Jawi yang lain seperti *Sabil al-Muhtadin li Tafaquhi fi Amriddin* karya Syeikh Muhammad Arsyad Al-Banjari dan *Wisyah al-Afrah wa Isbah al-Falah* karya Syeikh Muhammad bin Ismail Daudi Al-Fatani. Berdasarkan maklumat ringkas ini, pengarang merupakan individu yang cukup berpengaruh pada zamannya. Bagi membuka ruang kajian yang lebih luas, salasilah dan identiti pengarang wajar dikaji dengan lebih terperinci oleh para sarjana terutamanya yang berautoriti dan mahir dalam ilmu nasab dan sejarah.

Kaedah Penulisan RHWW

Dari segi kaedah penulisan, RHWW ditulis sepenuhnya dalam huruf Melayu-Jawi menggunakan tulisan tangan khat nasakh, dengan jumlah keseluruhan 118 muka surat. Setiap muka surat mengandungi 25 buah baris. Penulisannya mengikut kaedah tradisional, di mana perkataan pertama bagi muka surat seterusnya diletakkan di bahagian akhir kiri (bawah) muka surat sebelumnya. Pengarang tidak menggunakan noktah untuk memberhentikan ayat, tetapi menggunakan simbol seperti '//' atau 'v' untuk menutup percakapan. Apabila memulakan ayat baru, pengarang sering



menggunakan perkataan ‘*syahdan*’ dan ‘*tanbih*’ untuk memberi peringatan. Kata seruan seperti ‘*hai talib*’ atau ‘*hai salik*’ turut digunakan untuk menarik perhatian pembaca. Simbol koma (,) tidak digunakan dan status atau konteks ayat perlu ditentukan sendiri oleh para pembaca berdasarkan konteks perbincangan. Selain itu, teks dipindahkan kepada perenggan baru secara bebas tanpa pola yang seimbang.

Sumber Rujukan RHW

RHW sangat menekankan sumber rujukan yang berautoriti. Pengarang menukilkan lebih daripada 115 ayat Al-Quran dan 46 buah hadis. Namun, beliau tidak menyebut ayat atau nama surah tertentu apabila merujuk kepada Al-Quran dan tidak menyatakan takhrij bagi hadis-hadis yang dirujuk. Dalam beberapa buah hadis yang dimasukkan, turut disebut nama Sahabat yang mendengar sabda Nabi SAW. Pengarang HWW juga menggunakan frasa seperti ‘firmanNya’ untuk Al-Quran dan ‘sabda Nabi SAW’ untuk hadis. Setiap teks Al-Quran dan hadis akan diberikan terjemahan ke dalam bahasa Melayu oleh pengarang. Selain Al-Quran dan Hadis, pengarang juga merujuk kepada *atsar* dan kalam salafussoleh. Teks Arab mudah dikenal pasti kerana diberi garis penuh dan memudahkan pengkaji membezakan antara teks Arab dan Melayu-Jawi. Selain itu, pengarang turut menukil nama-nama ulama Arab dan Ajam dalam bidang tertentu terutamanya dalam bidang akidah-fiqah-tasawuf bagi menyokong syarahan beliau seperti Imam Al-Sanusi, Imam Al-Haramain, Mustafa Al-Bakri, Imam Al-Ghazali, Imam Malik, Sayyid Syarif Alwi bin Abu Bakar bin Al-Husain Al-Syafie, Imam Asyaari, Sayyid Ali bin Muhammad Al-Attas, Ibnu Ruslan, Syeikh Abdul Qadir Jailani, Ahmad Khatib Minangkabau, Imam Al-Qurtubi, Imam Al-Razi, Imam Ahmad, Imam Al-Baihaqi, Imam Al-Syafie, Syeikh Ahmad bin Umar Al-Muzajjad, Syeikh Ismail Al-Muqri, Maulana Zakaria Al-Ansari, Syeikh Daud Al-Fatani, Ibnu Athoillah serta nama-nama ulama bidang qiraat. Selain itu, pengarang juga menukil beberapa nama kitab bagi menyokong perbahasannya di dalam RHW terutamanya kitab *Ihya’ Ulumuddin*.

Struktur RHW

Pengarang juga membahagikan kitab ini kepada tujuh juzuk dan setiap juzuk diberi nama ‘*Lil Walad Al-Walad*’ serta bernombor di bahagian bawah. Setiap juzuk merangkumi lebih kurang 15 buah muka surat seperti susunan berikut:

Pembahagian Juzuk	Muka Surat HWW
Lil Walad Al-Walad (1)	1 – 16
Lil Walad Al-Walad (2)	17 – 32
Lil Walad Al-Walad (3)	33 – 48
Lil Walad Al-Walad (4)	49 – 64
Lil Walad Al-Walad (5)	65 – 80
Lil Walad Al-Walad (6)	81 – 96
Lil Walad Al-Walad (7)	97 – 118

Jadual 1: Pembahagian Juzuk dan Muka Surat RHW

Secara keseluruhan, struktur RHW tidak tersusun mengikut bidang ilmu atau topik perbincangan secara sistematik dan pengarang juga tidak menyediakan indeks kandungan di bahagian awal atau akhir kitab.

Cadangan Indeks Isi Kandungan RHW

Oleh kerana pengarang RHW tidak menyediakan isi kandungan atau indeks, pengkaji mencadangkan susunan isi kandungan seperti berikut bagi memudahkan proses analisis isi kandungan.

Cadangan Indeks Isi Kandungan RHW	Muka Surat	Struktur
(Bahagian Pertama: Akidah)		
Definisi agama dan penjelasan maksud ‘ <i>Awwaluddin Ma`rifatullah</i> ’.	2 - 4	Struktur A
Penerangan tentang jenis-jenis pengetahuan iaitu makrifah (ilmu yang yakin), taqlid (ikut buta) dan jahil (kebodohan).	4 - 5	
Tiga jenis hukum (syarak, adat dan akal) serta aplikasinya dalam konteks kehidupan harian.	5 - 9	
Dalil ijmal tentang kewujudan Allah serta hubungan nama dan sifat-Nya.	9 - 10	
Senarai 20 sifat Allah dan penjelasan tentang sifat Rasul.	11	
Perincian tentang 20 sifat wajib Allah termasuk takrif sifat nafsiah, salbiah, ma`ani, dan ma`nawiyah disertai dalil-dalil. Disertai juga dengan penafian terhadap pemikiran sesat dan pendirian Ahli Sunnah Wal Jamaah (ASWJ) terhadap aliran sesat.	12 - 35	



Perbahasan tentang 11 sifat istighna' dan 9 sifat iftiqar.	35 - 38	Struktur B
Pendirian ASWJ terhadap konsep alam.	39 - 43	
Penjelasan tentang nafi isbat.	43	
Jenis-jenis wujud dan perinciannya.	44	
Perbahasan tentang para malaikat, kitab-kitab, para Nabi dan Rasul.	45 - 50	
Salasilah Nabi Muhammad SAW, dakwah Baginda di Makkah dan Madinah, keutamaan para Sahabat dan pentingnya patuh kepada ijthad imam mazhab.	50 -52	
Rukun iman berkaitan hari Kiamat, qadha' dan qadar, keramat para wali serta kesimpulan tentang ASWJ.	53	
Analisis terhadap 72 golongan yang sesat dan terkeluar daripada ASWJ.	54	
Definisi ilmu fiqh dan perbincangan rukun Islam serta empat bahagian utama dalam fiqh serta tentang tasawuf.	55 - 80	Struktur B
Usul bidaah dan kufur.	80 - 103	
Keutamaan tiga buah kitab utama dan pesanan pengarang untuk belajar dengan ulama.	104 - 106	
Senarai kitab yang disyorkan untuk dipelajari dan kitab yang perlu dijaui.	106 - 108	
(Bahagian Kedua: Tajwid)		Struktur C
Perbincangan tentang huruf hijaiyah dan hukum tajwid	108-118	

Jadual 2: Cadangan Indeks Isi Kandungan RHW

Berdasarkan pemerhatian pengkaji, RHHW boleh dibahagikan kepada tiga struktur yang mendapat pengaruh yang berbeza. Di dalam struktur A, pengarang RHHW menekankan perbincangan ilmu akidah yang mana, susun atur beliau pada bahagian ini seakan-akan mendapat pengaruh Al-Sanusi melalui teks dan penghujahan manakala pengaruh Sayid Ahmad Al-Marzuqi pada aspek susun atur penulisan yang memulakan perbincangan akidah serta mengakhirkannya dengan sirah ringkas. Ada pun bahagian bagi struktur A ini akan dibincang pada bahagian yang seterusnya. Seterusnya di dalam struktur B, pengarang RHHW membahas ilmu akidah dan tasawuf. Sebagaimana dijelaskan sendiri oleh pengarang di dalam muka surat 2, *“...maka aku namakan akan dia Hidayah Lil Walad Al-Walad yakni Pertunjukkan Bagi Kanak-Kanak Pada Menyatakan Ilmu Tauhid, maka aku himpulkan atas jalan ilmu usuluddin dan tasawuf...”*. Dalam menjelaskan tema usuluddin dan tasawuf ini, pengkaji melihat bahawa, struktur B mendapat pengaruh yang banyak daripada *Tuhfah Al-Raghibin* karya Syekh Muhammad Arsyad Al-Banjari terutamanya berkaitan pecahan-pecahan umum ajaran sesat. Maka, bermula dari muka surat 54 hingga 108, akan dikenalpasti banyak teks-teks yang berpunca daripada teks-teks yang terkandung di dalam *Tuhfah Al-Raghibin*.

Adapun di dalam struktur C, pengarang RHWW memasukkan perbahasan ilmu tajwid. Menurut Mohd Akmal *et al.* (2024), pengarang RHWW telah menukil nama-nama ulama bidang qiraat serta tajwid seperti Imam Nafi', Imam Qalun, Imam Abu 'Amr, Imam Hafs, Imam Warsy, Imam Kisaie, Al-Jazari dan lain-lain lagi. Pengkaji juga tidak menjumpai rujukan pengarang terhadap tokoh-tokoh Melayu seperti mana yang wujud dalam penulisan di struktur B. Secara kesimpulannya, RHWW merupakan sebuah karya ulama tempatan Sarawak yang membuka ruang untuk kajian lanjut terutamanya dari segi kritikan daripada pelbagai disiplin ilmu bagi menzahirkan nilai keilmuan yang terkandung di dalamnya. Dalam perbincangan berikutnya, pengkaji akan cuba menghurai isi kandungan RHWW dan pengaruh Al-Sanusi terutamanya dengan memberi fokus pada struktur A.

Analisis Terhadap Risalah Hidayah Lil Walad Al-Walad (RHHW)

Dalam bahagian ini, pengkaji akan memberi fokus kepada teks pada muka surat 1 hingga 54 sahaja. Ini bagi mencapai objektif kajian iaitu mengenalpasti pengaruh Imam Al-Sanusi terhadap RHHW. Pada muka surat 3, pengarang dengan jelas menyebut nama Imam Al-Sanusi bagi menukil salah satu teks daripada *Umm Al-Barahin* iaitu; ‘yang dikatakan oleh Al-Sanusi rahimahullahu taala.

عليهم السلام يعرف الله عليه يجب يستحيل يجوز

Ertinya dan wajib atas tiap-tiap mukallaf pada syarak bahawa mengetahui barang yang wajib pada Tuhan kita Maulana Jalla wa Azza {dan barang yang mustahil padaNya} dan barang yang mustahil padaNya dan barang yang



harus padaNya demikian lagi wajib atasnya bahawa mengetahui seumpama yang demikian itu pada hak segala pesuruhNya alaihimussolatu wassalam...’.

Teks ini ditulis oleh pengarang melalui nulisan teks Arab yang asal dan terjemahan oleh dirinya sendiri. Didapati terdapat kesilapan pada terjemahan iaitu mengulang dua kali iaitu *mustahil* pada perenggan terjemahan. Walau bagaimanapun secara keseluruhan, pengarang sememangnya telah menukil kalam Imam Al-Sanusi daripada teks asal dalam *Umm Al-Barahin*. Bagi teks Arab, kajian ini tidak menjelaskan naskhah rujukan yang digunakan oleh pengarang RHHW. Sebagai contoh dalam kajian oleh Anas (2019), terdapat perbezaan pada kalimah (الله) dan (الله) melalui manuskrip *Umm Al-Barahin* yang diperbandingkan. Seterusnya, dalam memahami tujuan pengarang menukil nama Imam Al-Sanusi adalah apabila pengarang RHHW menjelaskan makna makrifah. Seperti dalam muka surat 2, pengarang menjelaskan makna agama dan komponen yang ada padanya. Sebagaimana dinyatakan oleh pengarang, ‘...hai talib, bahawasanya adalah yang dinamakan agama itu ibarat daripada berhimpun padanya empat perkara, pertama iman, kedua Islam, ketiga tauhid, keempat makrifat...’.

Dalam muka surat 4, setelah pengarang menukil kalam Imam Al-Sanusi, pengarang telah berikhtiar untuk menjelaskan terlebih dahulu tentang maksud makrifat. Pada pemerhatian pengkaji, pendekatan berbentuk epistemologi ini di dalam perbahasan agama bukan sahaja dapat membantu pembaca memperoleh ilmu yang tepat tentang prinsip-prinsip Islam. Akan tetapi, ia boleh memastikan bahawa pemahaman tersebut selaras dengan piawaian ilmu yang ditetapkan dalam golongan Ahli Sunnah Wal Jamaah. Sebagaimana dinyatakan oleh pengarang tentang kebenaran (*makrifat*) di dalam muka surat 4:

“...ada pun hakikat makrifat itu terhimpun ia atas tiga perkara; pertama, pegangan yang putus; kedua, muafakat bagi yang sebenarnya; ketiga, dari dalil akal dan dalil naqal daripada firman dan hadis...”

Secara ringkasnya, makrifah merupakan proses untuk mengetahui dengan melalui jalan mempelajari, mengkaji, memahami dan membezakan berdasarkan kepada dalil-dalil dengan mengenepikan unsur-unsur yang menghalang dari mencapai yakin iaitu *zon* (sangkaan tidak pasti), *shak* (keraguan), dan *wahm* (tanggapan salah). Dalam erti kata lain, pengetahuan dalam konteks akidah tidak dilihat secara umum, tetapi mesti memenuhi kriteria tertentu yang sahih. Menurut Imam Al-Sanusi sebagaimana diterangkan dalam *Syarah Sughra Al-Sughra*, hanya pengetahuan yang memenuhi tiga syarat utama ini sahaja yang dianggap sah atau boleh mencapai kebenaran dalam perbincangan akidah:

Pertama: Pegangan yang putus (Kepastian atau al-jazm)

Pengetahuan yang diterima mesti mencapai tahap yakin mutlak atau bebas daripada sebarang keraguan. Ini terutamanya berkaitan perkara asas seperti keesaan Tuhan, kerasulan Nabi Muhammad SAW dan perkara ghaib yang disampaikan melalui wahyu. Dalam Islam, keraguan terhadap perkara prinsip ini adalah tidak dibenarkan. Justeru, bentuk pemahaman seperti *zon*, *shak*, dan *wahm* tidak layak dianggap sebagai pengetahuan akidah kerana kekurangan kepastian.

Kedua: Muafakat bagi yang sebenarnya (Kesesuaian dengan realiti)

Keyakinan yang sah mesti selaras dengan hakikat dan kebenaran yang objektif. Seseorang tidak boleh menerima sesuatu kerana kecenderungan perasaan atau kepercayaan tradisi semata-mata tanpa menyemak kesesuaian dengan realiti. Oleh itu, pengetahuan yang bertentangan dengan kenyataan seperti *jahil murakkab* (kejahilan yang disertai keyakinan salah) adalah tidak diterima dalam akidah Ahli Sunnah Wal Jamaah.

Ketiga: Dari dalil akal dan dalil naqal daripada firman dan hadis (Berasaskan dalil yang sahih)

Pengetahuan yang kukuh mesti disokong oleh bukti yang jelas sama ada daripada Al-Quran, hadis, ijmak, qiyas, atau hujah akal yang sahih. Syarat ini menunjukkan bahawa Islam bukan agama taklid atau ikut-ikutan, tetapi agama yang menekankan pemikiran kritis dan hujah berlandaskan fakta. Kehadiran istilah seperti *burhan* (bukti nyata) dan *hujjah* (dalil yang sempurna) dalam Al-Quran mencerminkan pendekatan ilmiah Islam dalam menegakkan kebenaran. Tanpa dalil, keyakinan seseorang hanya bersifat taklid iaitu mengikut tanpa pemahaman yang akhirnya boleh membawa kepada kekeliruan apabila diperhadapkan dengan cabaran pemikiran. Dengan itu, pemilikan dalil yang kuat membantu umat Islam menjaga akidah mereka daripada pengaruh sesat akibat fanatik buta terhadap individu atau kelompok.

Dari sini, pengarang RHHW dapat membina sempadan makna bagi istilah antara yakin, taklid dan jahil. Perkara yang berkaitan dengan kebenaran ini juga penting dalam menjelaskan sikap golongan Sofis (*Sufastaiyyah*) yang tidak memperakui kebenaran. Ini kerana, jika asas epistemologi mengenai keyakinan ini tidak diperakui, maka semua pengetahuan adalah sesuatu yang meragukan dan tidak dapat dicapai. Dengan bersepakat kepada perkara ini, barulah



perbahasan berkaitan ilmu atau kebenaran dapat dibincang dengan lebih lanjut, lebih-lebih lagi bagi perkara yang berkaitan dengan iktikad.

Dalam perspektif yang lain pula, apa yang dilakukan oleh pengarang RHW di sini adalah bagi menjelaskan penekanannya terhadap konsep *tanzih* iaitu mensucikan Allah Taala dari segala sifat kekurangan. Maksudnya, mengenali Allah perlulah dengan jalan ilmu dan bukannya daripada sangkaan seperti bayangan imaginasi tertentu tetapi sebaliknya melalui sumber yang sahih daripada agama dengan sokongan atau hujah daripada rasional. Sebagaimana pengarang menekankan sumber yang sahih pada muka surat 4, ‘...hai talib, jika telah engkau ketahui firman Allah dan hadis Nabi SAW dan segala ulama Ahli Sunnah Wal Jamaah bahawasanya adalah yang diwajibkan oleh syarak atas tiap-tiap mukallaf bahawa mengetahui akan setengah daripada segala sifat kamalatNya seperti yang tersebut pada perkataan Imam Al-Sanusi rahimahullahu taala...’. Maka, di sini pengarang menekankan kaedah Imam Al-Sanusi bahawa mengenali Allah adalah melalui sebahagian sifat-sifatNya yang dapat diketahui yang mana, semuanya adalah sempurna dengan berdasarkan kepada sumber *naqli* dan *aqli*. Walau bagaimanapun, perbahasan tentang hukum akal tidak dijelaskan oleh pengarang pada awal muqaddimahNya dan ianya berbeza dengan cara Imam Al-Sanusi di dalam *Umm Al-Barahin* yang membahas tentang takrifan hukum akal iaitu tentang wajib, mustahil dan harus terlebih dahulu. Di sini, pengkaji melihat bahawa pengarang mendatangkan pula kaedah melalui karya Imam Al-Sanusi yang lain. Maksudnya, setelah membahas tentang keperihalan berkaitan kebenaran, pengarang meneruskan perbahasan berkaitan tiga jenis hukum terlebih dahulu. Pengarang tidak menukil nama kitab Imam Al-Sanusi dan juga teks yang membahas berkaitan perkara ini. Walhal ianya ada dibahas di dalam karya Al-Sanusi yang bertajuk *Al-Muqaddimat*.

Oleh yang demikian, pengarang telah menggunakan pendekatan yang sama dengan Al-Sanusi iaitu membahas susunan satu persatu bagi hukum syarak, hukum adat dan hukum akal. Sebagaimana dinyatakan sendiri oleh Imam Al-Sanusi di dalam kitab *Al-Muqaddimat*nya dalam membincangkan tentang hukum; “*hukum ialah pengisbatan sesuatu perkara atau penafiannya. Hukum terbahagi kepada tiga jenis: syarak, adat dan akal*”. Maka, teks ini tidak dinukil oleh pengarang RHW terlebih dahulu. Berkaitan dengan takrifan syarak, Imam Al-Sanusi menjelaskan bahawa ‘*hukum syarak adalah khitab Allah Taala yang bersangkutan dengan perbuatan mukallaf secara talab (tuntutan), ibahah (pengharusan) atau wadh (penetapan)*’. Pengkaji melihat bahawa pengarang RHW turut menggunakan penjelasan serupa. Di muka surat 6, pengarang menyatakan ‘*ketahui olehmu ada pun yang disuruh itu dua perkara...suruh wajib...suruh sunat...ada pun yang mubah...bahagi yang kedua hukum wadhie namanya...*’. Selepas teks ringkas ini, pengarang RHW mendatangkan contoh-contoh bagi hukum wadhie yang telah beliau jelaskan iaitu *sebab, syarat, mani*, *sah* dan *batal*.

Pengaruh Imam Al-Sanusi yang berikutnya adalah takrifan pengarang di dalam muka surat 7 tentang hukum adat. Pengarang RHW mengatakan, ‘*iaitu mesabitkan sesuatu pekerjaan dengan suatu atau menafikan dia serta sah bersalahan tiada atas jalan yang putus pertambahan antara suatu dengan suatu iaitu empat perkara, pertama ditambatkan ada dengan ada seperti kita tambatkan ada kenyang dengan ada makan, kedua kita tambatkan tiada dengan tiada seperti kita tambatkan dengan tiada kenyang dengan tiada makan, ketiga kita tambatkan ada dengan tiada seperti kita tambatkan ada lapar dengan tiada makan, keempat kita tambatkan tiada dengan ada seperti kita tambatkan tiada kenyang dengan ada lapar...*’.

Selesaikan membahas tentang hukum adat, pengarang seterusnya menjelaskan hukum akal di muka surat 8. Namun, takrifan hukum akal dinyatakan secara tidak lengkap. Takrifan oleh pengarang adalah ‘...ada pun hukum akal itu mengisbatkan suatu pekerjaan dengan suatu atau menafikan dia atas jalan yang putus dengan tiada berulang-ulang pada yang wajib, atau yang mustahil...’. Sedangkan di dalam teks yang asal, Imam Al-Sanusi menyatakan bahawa,

هو غير نفيه فهو غير نفيه

Maksudnya, takrifan yang dimaksudkan oleh Imam Al-Sanusi bagi hukum akal adalah perkara yang bukan hukum adat dan bukan hukum syarak. Ada pun pengarang RHW hanya menyatakan hukum akal adalah sesuatu yang lain dari hukum adat sahaja dan tidak menyebut istilah hukum syarak di dalam teks beliau sebagai kaedah pengecualian atau pembeza bagi hukum akal sebagai maknanya yang tersendiri. Bagi menjelaskan pengaruh Imam Al-Sanusi yang lain, pengkaji melihat contoh yang digunakan oleh pengarang terhadap istilah *doruri* dan *nazari*. Di sini, pengarang seakan-akan mengambil contoh yang digunakan di dalam karya Imam Al-Sanusi yang bertajuk *Akidah Al-Kubra*. Ini berdasarkan contoh ayat berikut; “...seperti jirim umpamanya maka wajiblah baginya mengambil lapang sekadar luas bagi dirinya...”. Teks asal Arab dalam *Akidah Al-Kubra* adalah seperti berikut;

‘...هو عليه يكون يجوز...’



Apa yang dimaksudkan di sini adalah, secara mudahnya akal boleh memahami bahawa sesuatu jirim akan mengambil ruang sekadar saiz dirinya sahaja. Sekiranya melebihi saiz dirinya, maka akal tidak akan dapat menerima dan hal ini disebut *doruriyat*. Hal ini dijelaskan di dalam *Al-Muqaddimat* oleh Imam Al-Sanusi tentang takrifan wajib bagi akal iaitu suatu perkara yang ketakwujudannya tidak dapat digambarkan oleh akal sama ada secara *doruri* seperti memahami perkara yang mudah atau serta merta dan perkara yang memerlukan pengamatan (*nazari*). Dalam muka surat 9, sekali lagi pengarang menekankan perbezaan antara hukum adat dan hukum akal. Hal ini penting bagi memahami dengan lebih terperinci akan perbahasan dalam ilmu akidah. Ini kerana, perbezaan bagi kedua-dua hukum adat dan hukum akal ini sering disalahfahami dalam menanggapi sesuatu perkara sebagai contoh perkara yang berkaitan dengan mukjizat keNabian. Dan hal berkaitan keNabian terutamanya peristiwa israk mikraj telah dibahas oleh pengarang dalam muka surat 51. Secara ringkas, pengarang menjelaskan hubungan antara wajib, mustahil dan harus yang mana ianya menjadi kaedah penting menurut Imam Al-Sanusi dalam perbincangan hukum. Ini kerana pada asalnya dalam muka surat 4, pengarang mengikut kaedah Imam Al-Sanusi dalam perkara berkaitan sifat 20 terlebih dahulu. Sebagaimana di dalam teks,

يُجبُّ على كلِّ شيءٍ أن يكون له سبعة وعشرون سِفةً ،

Ertinya, maka setengah daripada barang yang wajib bagi Tuhan kita Maulana Jalla wa Azza dua puluh sifat...’.

Seterusnya dalam muka surat 11, pengarang menjelaskan satu persatu isi kandungan sifat 20. Bermula daripada muka surat 12 hingga 43, pengarang akan menjelaskan sifat dengan menampilkan dalil *aqli* dan *naqli* secara satu per satu. Begitu juga selepas itu dengan pembahagian empat buah sifat iaitu *nafsiah*, *salbiah*, *maani* dan *maanawiyah* turut menukil daripada teks Al-Sanusi. Maka, dalam muka surat 13, pengarang menterjemah sebagai berikut; ‘...adalah yang wajib bagi zat selama ada zat tiada dikeranakan dengan suatu kerana yakni adanya itu tiada ia kena jadi oleh suatu dan tiada pula ia jadi sendirinya...’. Maka, teks ini dapat dilihat dalam *Umm Al-Barahin*, هي سبعة وعشرون سِفةً غير متناهية. Pembaca juga akan dapat melihat dalil *naqli* yang digunakan oleh pengarang terhadap sifat-sifat 20 dan ianya menyerupai dalil dalam syarah terhadap *Umm Al-Barahin* oleh Imam Al-Sanusi sendiri. Contohnya di dalam perbahasan seperti sifat *mukhalafatuhi lil hawadits* menggunakan dalil di dalam ayat 11 Surah Al-Syura.

Dalam sepanjang perbahasan di struktur A, pengarang juga menyebut beberapa buah nama golongan yang sesat seperti *Qadariyyah* di muka surat 20, *Jabariyyah* di muka surat 23, *Jahmiyyah* serta *Wujudiah* di muka surat 24, *Muktazilah* muka surat 35 dan *Tabiyyun* di muka surat 39. Maka, golongan-golongan sebegini adalah dijelaskan oleh Imam Al-Sanusi di dalam *Al-Muqaddimat*nya dalam perbahasan ‘mazhab berkaitan perbuatan manusia’ yang membahagikan manusia kepada tiga iaitu mazhab *Jabariyyah*, mazhab *Qadariyyah* dan mazhab Ahli Sunnah. Adapun golongan *Tabiyyun*, Imam Al-Sanusi membahas golongan ini di dalam *Al-Muqaddimat*nya sebagai ‘*syirik asbab*’. Ada pun penjelasan Imam Al-Sanusi terhadap golongan syirik adalah merujuk kepada enam golongan iaitu *syirik istiqlal*, *syirik tab’id*, *syirik taqrib*, *syirik taqlid*, *syirik asbab* dan *syirik aghrad*.

Dalam muka surat 39, pengarang menjelaskan pula berkaitan ilmu maqulat iaitu sebuah disiplin ilmu tentang sesuatu yang terdiri daripada jauhar dan arad. Di sini, persamaan pengarang adalah pada perbincangan Imam Al-Sanusi di dalam *Al-Muqaddimat*nya ketika perbahasan ‘berkenaan perkara mumkin’. Di sini, Imam Al-Sanusi jelas menerangkan penerimaan *mumkin* terhadap enam perkara iaitu wujud dan tak wujud, ukuran, sifat, masa, tempo dan arah. Pengarang RHHW juga menjelaskan perkara ini. Sebagai contoh berkaitan martabat wujud, pengarang menulis di muka surat 44 tentang empat tahap wujud. Terutamanya dalam muka surat 42, pengarang menjelaskan enam sifat alam dan perbahasannya yang menyerupai daripada teks Imam Al-Sanusi.

Pada muka surat 45, pengarang mula membahas tentang sifat Rasul yang merangkumi wajib, mustahil serta harus dan ianya selari dengan kaedah Imam Al-Sanusi dalam membahas ilmu akidah terutamanya karya sehingga *Umm Al-Barahin*. Adapun karya yang lebih tinggi seperti *Akidah Al-Wusta* dan *Akidah Al-Kubra* akan memasukkan perbincangan ghaibiyat. Bermula dari muka surat 48 pula, pengarang memasukkan perbahasan sambungan bagi rukun iman iaitu tentang malaikat, kitab dan Nabi. Di muka surat 50, pengarang memasukkan sirah Nabi Muhammad SAW secara ringkas termasuk peristiwa israk mikraj serta nama-nama beberapa orang sahabat. Seterusnya pengarang meneruskan perbahasan tentang hari Kiamat dan diakhiri dengan penjelasan tentang maksud taqdir iaitu baik dan buruk semuanya daripada Allah dan sedikit penjelasan tentang wali dan keramat. Pengarang RHHW telah menyimpulkan pemahaman beliau tentang maksud akidah seperti mana yang dikehendaki dalam Ahli Sunnah Wal Jamaah berdasarkan kepada semua yang telah dibincangkan dalam teks sebelum ini. Secara kesimpulannya, pengkaji berpendapat bahawa pengarang RHHW telah berjaya meneruskan legasi perjuangan menjelaskan hakikat Ahli Sunnah Wal Jamaah yang terdiri daripada tokoh-tokoh penting ASWJ yang kukuh dalam metodologi mereka sehingga lah kepada Imam Al-Sanusi. Pengarang juga mengakui bahawa tokoh penting yang menjadi pejuang yang telah menyusun kekuatan hujah mazhab Ahli Sunnah Wal Jamaah adalah Imam Abu Hasan Al-Asyaari. Sebagaimana pengarang HWW menyebut dalam muka surat 54,



“...ada pun yang menterjemahkan ilmu usuluddin itu daripada firman Allah dan hadis Rasulullah iaitu Imam Abu al-Hasan al-Asyaari, maka ia lah ikutan Ahli Sunnah Wal Jamaah...”

Ahli Sunnah Wal Jamaah mempunyai identiti intelektual dan teologikal yang berkembang secara organik sejak fasa awal ia bangkit sebagai respons kepada fitnah akidah, ekstremisme dan pemikiran yang sesat. Pengarang RHWW secara faktanya sangat terpengaruh dengan Imam Al-Sanusi dan menjadikan beliau sebagai rujukan dalam sepanjang penulisannya berkaitan ilmu akidah.

Implikasi Praktikal Kajian

Integrasi RHWW Dalam Kurikulum Pendidikan Agama Islam

Kandungan RHWW yang tersusun secara ilmiah dan berakar kepada tradisi Ahli Sunnah Wal Jamaah telah menjadikannya sumber pembelajaran yang sesuai untuk diintegrasikan ke dalam kurikulum pendidikan agama Islam di peringkat sekolah agama, pondok, masjid dan institusi pengajian tinggi. Pendekatan epistemologi yang digunakan seperti penghujahan berdalil, pembahagian hukum akal dan perbincangan sifat 20 boleh dijadikan modul untuk melatih murid berfikir secara kritis dan sistematik. Dengan ini, akidah tidak lagi diajar secara hafalan semata-mata, tetapi difahami sebagai disiplin ilmu yang rasional dan berhujah.

Pengukuhan Institusi Ulama Sebagai Rujukan Ilmu Dalam Masyarakat Majmuk

Pengaruh Imam Al-Sanusi yang terserlah dalam RHWW menunjukkan betapa pentingnya peranan ulama tempatan yang berautoriti dalam rujukan terhadap piawaian kebenaran akidah. Dalam keadaan masyarakat yang pelbagai latar belakang pemikiran, kebangkitan ulama dan peranan institusi autoriti keagamaan (seperti Majlis Agama Islam Negeri) perlu disokong sebagai pemangkin dialog ilmiah dan pembasmi bagi segala ajaran ekstrem atau sesat. Garis panduan berasaskan metodologi seperti mana yang digunakan dalam RHWW boleh dibangunkan untuk membimbing masyarakat dalam menilai kebenaran akidah secara ilmiah dan bukan emosional. Ianya juga diharap dapat mengelakkan perbalahan dan kekeliruan dalam masyarakat.

Membina Identiti Muslim Wasatiyyah Melalui Pendidikan Akidah Yang Seimbang

RHWW menekankan kesederhanaan dalam beriktikad iaitu keyakinan yang kukuh tetapi tidak fanatik, rasional tetapi tidak skeptikal. Kajian ini menunjukkan bahawa tradisi keilmuan Islam di Sarawak telah lama mengamalkan pendekatan *wasatiyyah* dalam akidah. Dengan mempromosikan karya sebegini, umat Islam tempatan boleh membina identiti yang kuat, terbuka dan berdaya tahan terhadap cabaran pemikiran moden. RHWW berpotensi menjadi dokumen identiti intelektual yang menghubungkan masyarakat Sarawak dengan warisan global Ahli Sunnah Wal Jamaah sekaligus menyokong kestabilan sosial melalui fahaman agama yang seimbang.

Kesimpulan

Secara keseluruhannya, *Risalah Hidayah Lil Walad Al-Walad* (RHWW) bukan sekadar karya akidah tempatan, tetapi merupakan warisan intelektual yang menunjukkan kedalaman penerimaan tradisi ilmu Ahli Sunnah Wal Jamaah di Sarawak melalui pengaruh Imam Al-Sanusi. Melalui analisis struktur, kaedah penghujahan dan penggunaan teks Arab yang jelas merujuk kepada karya seperti *Umm Al-Barahin*, terbukti bahawa Mansur bin Sayyid Abu Bakar Al-Aydrus berupaya untuk mengakarbumikan pemikiran Ahli Sunnah Wal Jamaah dalam pendidikan akidah masyarakat setempat. Pengaruh Imam Al-Sanusi juga dilihat tidak terbatas pada isi kandungan semata-mata, tetapi merangkumi epistemologi akidah, penggunaan dalil aqli dan naqli, serta pembahagian hukum akal, syarak dan adat yang menjadi teras pendekatan ilmiah dalam tradisi ilmu-ilmu Islam. Sesungguhnya, kewujudan karya sebegini di Sarawak mencerminkan keupayaan ulama tempatan untuk menjadi jambatan antara arus perdana pemikiran Islam dan konteks lokal, sekaligus membina identiti keagamaan yang seimbang dan berwawasan. Oleh yang demikian, RHWW bukanlah hanya berstatus naskhah manuskrip keagamaan, tetapi dokumen pemikiran yang dapat dijadikan asas bagi dialog peradaban yang mampu untuk memupuk kefahaman yang mendalam, mengelakkan ekstremisme dan menyokong kestabilan sosial melalui pendidikan akidah yang berasaskan ilmu, hujah dan wasatiyyah di Sarawak Darul Hana.

Rujukan

- Al-Attas, Syed Muhammad Naquib (1988). *The Oldest Known Malay Manuscript: A 16th Century Malay Translation Of The Aqaid Al-Nasafi*. Kuala Lumpur: Universiti Malaya.
- Al-Banjari, Muhammad Arsyad (t.t.). *Tuhfah Al-Raghibin Fi Bayan Haqiqat Iman Al-Mukminin*. Patani: Matbaah Bin Halabi.



- Al-Jurjani, Sayid Syarif (2012). *Mu'jam Al-Ta'rifat: Qamus Mustalahat wa Ta'rifat*. Kaherah: Darul Fadilah Lin Nasyr Wa Al-Tawzi'.
- Al-Sanusi, Muhammad Yusuf (2019). *Syarah Al-Aqidah Al-Sughra*. Suntingan oleh Anas Muhammad Adnan Al-Syarfawi. Damsyik: Darul Taqwa.
- Al-Sanusi, Muhammad Yusuf (2019). *Syarah Al-Aqidah Al-Kubra*. Suntingan oleh Anas Muhammad Adnan Al-Syarfawi. Damsyik: Darul Taqwa.
- Al-Sanusi, Muhammad Yusuf (2019). *Al-Muqaddimat*. Terjemahan oleh Hilmi Marjunit. Apologia PLT.
- Al-Sanusi, Muhammad Yusuf (2019). *Syarah Sughra Al-Sughra*. Suntingan oleh Anas Muhammad Adnan Al-Syarfawi. Damsyik: Darul Taqwa.
- Al-Taftazani, Sa'duddin (2017). *Huraian Al-Aqaid Al-Nasafiyyah*. Terjemahan oleh Mohamad Hilmi Marjunit, Anwar Yusof & Farhan Affandi. Awal Nahdah Resources.
- Che' Razi Jusoh (2016). *The Malay Exposition of Al-Sanusi's Umm Al-Barahin*. Kuala Lumpur: Islamic and Strategic Studies Institute Berhad.
- Faizuri Abd. Latif & Muhammad Hazim Mohd Azhar (2018). *Pengaruh Umm Al-Barahin Karya Al-Sanusi Terhadap Bakurah Al-Amani Karya Wan Ismail Al-Fatani Dalam Perbahasan Sifat 20*. Afkar. Vol 20 Isu 2.
- Harun Mat Piah & Ismail Hamid (1983). *Koleksi Manuskrip-Manuskrip Melayu di Brunei: Satu Maklumat Awal*. SARI 1 (2), 103-123.
- Kamarul Bakri Abd Aziz. 1999. *Konsep Ilmu Tauhid Dalam Kitab Jawi*. Disertasi Sarjana (Usuluddin) Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya.
- Mansur bin Sayyid Abu Bakar al-Aydrus (1936). *Risalah Hidayah lil Walad al-Walad*. Singapura Jawi Press.
- Md Sidin Ahmad Ishak (1992). *Malay Book Publishing and Printing in Malaya and Singapore 1807-1949*. PhD Thesis. University of Stirling, Scotland.
- Mohd Akmal Sidik, Wan Ariffin Wan Yon, Mohamad Firdaus Mohamad Sabari & Awang Nib Zuhairi Awang Ahmad (2024). *Penulisan Ilmu Tajwid Dalam Kesusasteraan Tradisional Sarawak: Analisis Kandungan Kitab Hidayah Li al-Walad al-Walad*. Journal of Islamic, Social, Economics and Development. Vol 9 (66), 291-298.
- Mohd Saiful Aqil Naim Saful Amin (2024). *Piawaian Kebenaran Dalam Ilmu Akidah: Penelitian Epistemologi Terhadap Beberapa Karya Terpilih Muhammad bin Yusuf Al-Sanusi (w. 895H)*. Journal of Fatwa and Falak Selangor. Vol 1 No 2.
- Muhammad Khatib Johari (2023). *Kitab Pedoman Ibadat: Haji Daud Abdul Ghani 1898- 1933*. Kuching: Jabatan Agama Islam Sarawak.
- Muhammad Khatib Johari (2023). *Tinjauan Ringkas Manuskrip Agama Islam Di Sarawak: Pengenalan Kepada Hidayah Lil Walad Al-Walad*. Prosiding Nadwah Ulama Nusantara X. UNISZA, Terengganu.
- Norhayati Abdul Karim & Masuriyati Yahya (2022). *Sumbangan Yang Berhormat Pehin Siraja Khatib Abdul Razak bin Hasanuddin: Pendidikan Masyarakat Brunei di Kampong Ayer*. *Proceedings Borneo Islamic International Conference*. Vol. 13, 136-141.
- Ridwan, Samsul Bahri Hasibuan, Rizal Fauzan, Usman Supendi & Ajid Thohir (2024). *History of the Alaydrus Dynasty, Founder of the Kubu Sultanate in West Kalimantan in the XVIII-XIX centuries AD*. HISTORIA: Jurnal Program Studi Pendidikan Sejarah. Vol 12 (1) 2024.
- Sa'id Foudah (2018). *The Differences Between The Ash'aris & Maturidis By Imam Shams Al-Din Ahmad bin Sulayman Kamal Pasha*. Translated by Abdul Aziz Suraqah. Rotterdam: Sunni Publications.
- Sayyid Haji Junaidi Sayyid Haji Uthman al-Aydrus (2021). *Risalah Aqa'id al-Iman*. Suntingan oleh Dr Haji Syed Abdul Aziz Temenggong Datuk Haji Wan Hamid Edruce. AZ Safir Services.
- Tarek Ladjal (2015). *The Development Of Ash'arite Doctrine In North Africa: Building Of Theological, Political And Religious Unity*. Academic Journal Of Interdisciplinary Studies. Vol 4 No 3.
- Wan Mohd Nor Wan Daud (2005). *Beberapa Aspek Pandangan Alam Orang Melayu Dalam Manuskrip Melayu Tertua Al-Aqaid Al-Nasafi*. Afkar: Jurnal Akidah & Pemikiran Islam. Vol 6 No 1.